

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS MEMPERKENALKAN LAPORAN PEMBAHARUAN DAN KEMAJUAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM 1992 DAN PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM BIL. 3 TAHUN 1993: GARIS PANDUAN MENGENAI ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM
Lokasi : HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-01-1993

Usaha-usaha pembaharuan pentadbiran yang dijalankan oleh Perkhidmatan Awam Malaysia merupakan satu usaha berterusan semenjak kemerdekaan lagi. Kesemua usaha-usaha yang telah dibuat adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanaan dalam penyediaan perkhidmatan.

Beberapa dasar, program dan aktiviti telah diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan kesedaran dan melahirkan pegawai-pegawai kerajaan yang berwibawa dan berkemampuan dalam menangani tugas yang dipertanggungjawabkan.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu watalla oleh kerana dengan izinNya kita semua dapat berkumpul di majlis pada malam ini. Tujuan majlis ini ialah untuk mengedarkan Buku laporan Pembaharuan dan Kemajuan Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia Untuk Tahun 1992 dan juga melancarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993, yang bertajuk Garis Panduan Mengenai Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam.

Buku laporan Pembaharuan dan Kemajuan Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia Untuk Tahun 1992 mengandungi berbagai maklumat tentang pembaharuan-pembaharuan pentadbiran yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

Maklumat-maklumat ini merupakan khazanah pengetahuan yang tidak ternilai yang boleh dikaji dan diteliti oleh Jabatan-jabatan Kerajaan bagi memajukan organisasi masing-masing. Saya yakin bahawa daripada contoh-contoh kejayaan, pengalaman serta pencapaian Jabatan-jabatan yang dilaporkan, Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain akan dapat mengambil pengajaran yang berguna.

Laporan ini juga penting dari segi peranannya sebagai saluran komunikasi di antara Kerajaan dengan agensi-agensinya dan juga dengan orang ramai. Melalui saluran ini, Kerajaan akan dapat menyebarkan dan memberi penerangan tentang dasar-dasar pentadbiran, pembaharuan-pembaharuan serta nilai-nilai yang sentiasa dititikberatkan di dalam perkhidmatan awam. Kepada orang ramai pula, laporan ini adalah merupakan sumber maklumat yang amat berguna, bagi mereka untuk memahami segala usaha, kesungguhan dan komitmen pegawai-pegawai perkhidmatan awam dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada mereka.

Sepanjang tahun 1992, perkhidmatan awam telah dapat melaksanakan pelbagai program pembaharuan di peringkat Persekutuan, pentadbiran negeri, daerah dan kerajaan tempatan. Pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) telah mengakibatkan perubahan besar, bukan sahaja kepada aspek tangga gaji, tetapi juga kepada struktur organisasi jabatan dan pewujudan sistem penilaian prestasi yang baru bagi perkhidmatan awam. Pengurusan kualiti di Jabatan-jabatan Kerajaan telah diberikan perhatian yang utama. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam mengenai Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) telah dikeluarkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam yang bertajuk Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan telah juga dikeluarkan.

Salah satu langkah terpenting ialah memperkukuhkan sistem pengendalian aduan awam dengan memperkukuhkan Biro Pengaduan Awam (BPA), melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 4 Tahun 1992 bertajuk 'Pengendalian Pengaduan Awam'.

Sejajar dengan matlamat memperkukuhkan prinsip akauntabiliti ini aspek pengurusan kewangan di Jabatan-jabatan Kerajaan telah diperkukuhkan menerusi pelaksanaan Sistem Kewangan dan Perakaunan Pengurusan (SKEPP), sistem buku Vot berkomputer dan sistem pembayaran pukat. Selain daripada itu, dalam tahun 1992 juga pihak Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Perakaunan Mikro

(SPM) melalui Pekeliling Kemajuan Awam Bil. 3 Tahun 1992. Sistem ini bertujuan membantu pihak pengurusan menentukan kos output-output utama yang dihasilkan. Maklumat tentang kos ini akan memudahkan pihak pengurusan membuat perancangan dan pengawalan sumber-sumber kewangan dengan lebih baik lagi.

Di samping itu pelaksanaan sistem ini juga akan mewujudkan kesedaran terhadap kos serta akauntabiliti di kalangan kakitangan awam.

Salah satu program penting dalam pembaharuan pentadbiran dalam tahun 1992 ialah pengukuhan pengurusan teknologi maklumat. Pihak Kerajaan telah memesatkan lagi penggunaan komputer di semua sektor dalam perkhidmatan awam seperti perdagangan dan perindustrian, keselamatan, pentadbiran dan kewangan, tanah dan pertanian, pelajaran, sosial, perkhidmatan sokongan serta di pentadbiran negeri-negeri. Peningkatan penggunaan komputer ini dapat dilihat dari segi pertambahan bilangan komputer mikro dan super mikro yang digunakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan.

Perangkaan yang ada menunjukkan bilangan dalam tahun 1992 bertambah sebanyak 158%, berbanding dengan tahun 1989.

Satu lagi petunjuk yang boleh menjelaskan peningkatan penggunaan komputer ini ialah nilai projek-projek pengkomputeran yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Pada tahun 1992, nilai kelulusan yang dikeluarkan ialah RM 155.47 juta, berbanding dengan RM 107.11 juta pada tahun 1991.

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993 bertajuk "Garis Panduan Mengenai Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam" pula dikeluarkan untuk menyeragamkan pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang kepada anggota-anggota perkhidmatan awam.

Mengikut Pekeliling ini, pemilihan penerima-penerima anugerah akan dibuat mengikut sistem penilaian prestasi tahunan Sistem Saraan Baru (SSB). Anugerah akan hanya diberikan kepada anggota-anggota perkhidmatan awam yang mencapai prestasi kerja cemerlang dan telah mendapat pergerakan gaji secara melintang. Anugerah ini mengandungi: bonus sebulan gaji; cuti tanpa rekod bergaji penuh selama tujuh hari, sijil perkhidmatan; dan cenderamata bernilai tidak melebihi RM 300.00. Nama dan gambar pengkhidmat-pengkhidmat cemerlang akan dipamerkan di tempat-tempat strategik di dalam pejabat. Mereka diberi peluang mengikuti program-program pembangunan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerjayanya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada media massa khususnya the electronics media dan juga akhbar-akhbar tempatan yang telah menyiarkan berita-berita mengenai pembaharuan-pembaharuan di dalam perkhidmatan awam. Akhbar-akhbar tempatan telah memainkan peranan yang penting untuk menyokong usaha-usaha perkhidmatan awam untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan awam. Rencana-rencana pengarang dan juga makalah-makalah khas mengandungi buah-buah fikiran yang amat membina. Di bab empat belas dalam buku laporan ini adalah diberi tajuk "Persepsi Dan Maklumbalas Melalui Akhbar-Akhbar Tempatan" muka surat 689 hingga 720. Bagi pihak keseluruhan perkhidmatan awam, saya ucapkan sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan di atas peranan media massa terhadap usaha-usaha pembaikan di dalam perkhidmatan awam kita.

Segala usaha dan kemajuan yang dicapai oleh perkhidmatan awam pada hari ini adalah berkat kerjasama dan sokongan daripada semua pihak. Kita harus berbangga kerana para pemimpin, anggota-anggota perkhidmatan awam dan sektor swasta di negara ini telah dapat bekerjasama dan berpadu tenaga bagi memajukan pentadbiran awam. Saya berharap kerjasama ini akan berkekalan pada masa yang akan datang.

Dengan harapan ini saya dengan sukacita memperkenalkan Laporan Pembaharuan dan Kemajuan Dalam Perkhidmatan Awam Tahun 1992 dan melancarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993 bertajuk Garis Panduan Mengenai Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam.